


Newspaper	Berita Harian
Date	14 July 2015

PM selar sebar berita palsu di laman sosial

BH - 14/7/2015.



Najib melihat pelan projek Pusat Khidmat Gelandangan pada Program Nur Ramadan di Pusat Khidmat Sementara Gelandangan di ibu negara, semalam. [FOTO BERNAMA]

» Pergaduhan di Plaza Low Yat perbuatan jenayah, bukan masalah perkauman

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menyelar tindakan tidak bertanggungjawab pengguna laman media sosial yang sengaja mensensasikan berita palsu hingga tercetusnya pergaduhan di Plaza Low Yat di sini, malam kelmarin.

Perdana Menteri berkata, insiden itu adalah perbuatan jenayah yang tidak boleh dianggap sebagai masalah memba-

“*Dalam perkara ini, pihak tidak bertanggungjawab menggunakan laman media sosial menghangatkan keadaan dan memberi perspektif tidak tepat*”

Najib Razak,
Perdana Menteri

bitkan kaum.

"Saya ingin tegaskan dalam perlakuan seperti ini, kelazimannya ialah untuk melihat satu-satu perkara itu dari sudut perspektif kaum.

Beri perspektif negatif "Dalam perkara ini, pihak tidak bertanggungjawab menggunakan laman media sosial menghangatkan keadaan dan memberi perspektif tidak tepat mengenai apa yang sebenarnya berlaku," katanya selepas Program Nur Ramadan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Pada majlis itu, 300 gelandangan menerima sumbangan Aidilfitri iaitu wang tunai RM200, kain pelikat dan batik serta bungkusan makanan sumbangan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Najib berkata, beliau sudah meminta Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar mengambil tindakan paling berkesan bagi membendung kejadian itu daripada berulang.

Beliau berkata, kejadian itu adalah satu perbuatan jenayah dan tidak boleh dianggap sebagai masalah perkauman.

"Ini adalah perkara yang perlu diserahkan kepada pihak polis untuk melakukan siasatan dan mereka yang melanggar undang-undang akan dikenakan tindakan," katanya.

Sementara itu, Najib meminta orang ramai tidak mudah percaya apa yang disebarkan dalam media sosial tanpa menyiasat kesahihan sumbernya.

"Ada gambar disebarkan dalam media sosial juga tidak ada kena-mengena dengan kejadian itu, sebaiknya kita serahkan kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan," katanya.